


Kecelaruan Pemikiran Asas Penolakan Undang-Undang Syariah




► **Muhammad Rashidi Wahab**

Ketua Pusat Pengajian Usuluddin, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin

Baru-baru ini umat Islam di Malaysia telah digemparkan dengan satu permohonan semakan kehakiman bagi membatalkan 20 kesalahan jenayah di bawah Enakmen Kanun Jenayah Syariah Kelantan. Permohonan itu bertujuan agar Mahkamah Persekutuan memutuskan dan mengisytiharkan bahawa peruntukan undang-undang jenayah syariah tersebut (yang dibuat dalam bidang kuasa negeri) tidak sah dan terbatal kerana dikatakan bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan. Antara 20 kesalahan jenayah yang dicabar termasuklah kes berkaitan dengan liwat, seks dengan mayat dan seks dengan bukan manusia, gangguan seksual, apa-apa hal yang mengkhayalkan, berjudi, perbuatan sedia untuk maksiat dan sumbang mahram.

Jika disoroti, terdapat beberapa kes semakan kehakiman lain yang dibuat bagi mencabar keabsahan undang-undang jenayah syariah di Malaysia. Contohnya, Iki Putra Mubarak mencabar kesalahan jenayah luar tabii (liwat) di bawah Enakmen Jenayah Syariah Selangor. Mahkamah Persekutuan memutuskan bahawa Dewan Undangan Negeri Selangor tidak mempunyai kuasa menggubal peruntukan berkenaan kerana dikatakan terletak di bawah Senarai Persekutuan. Perkara yang sama pernah dilakukan oleh Sisters in Islam (SIS) yang membuat semakan kehakiman bagi mencabar keabsahan Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor). Pada tahun 2014, Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor telah memfatwakan SIS Forum



(Malaysia) sebagai sesat dan menyeleweng.

Penolakan terhadap undang-undang jenayah syariah tersebut secara langsung turut memberikan implikasi terhadap mahkamah syariah. Kedudukan mahkamah syariah semakin direndahkan dan bidang kuasa mahkamah syariah semakin terhakis, malah kedudukan negeri-negeri dalam hal menggubal undang-undang turut dinafikan. Jika perkara ini dibiarkan, tidak mustahil pada akhirnya mahkamah syariah akan terhapus di Malaysia! Memandangkan betapa seriusnya kesan jangka panjang daripada semakin kehakiman berkenaan, Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Selangor selaku Pengerusi Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI) telah bertitah dalam Mesyuarat

MKI Kali Ke-70 pada 28 Ogos 2023 yang lalu supaya kerajaan mengambil langkah yang perlu bagi memperkukuh undang-undang jenayah syariah di Malaysia.

Yang pasti, apa-apa yang berlaku dilihat sebagai usaha terancang untuk menghapuskan undang-undang jenayah syariah, termasuklah mahkamah syariah sedikit demi sedikit. Agenda sebegini pernah disebut oleh penulis dalam majalah *Dewan Tamadun Islam* keluaran April 2016 melalui artikel “Liberalisme: Moderat atau Pelampau Agama?”, iaitu “Mereka berusaha menghapuskan undang-undang syariah dengan dakwaan bahawa undang-undang syariah bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan atau dakwaan lain seperti undang-undang syariah tidak adil. Bahkan mereka cuba memperkecil peranan dan kedudukan mahkamah syariah, antaranya termasuklah mencabar keputusan yang dikeluarkan oleh mahkamah syariah di mahkamah sivil.”

Golongan sekular-liberal sedaya upaya akan berusaha untuk menghapuskan institusi agama Islam, sama ada pada peringkat persekutuan atau negeri, termasuklah undang-undang jenayah syariah.

Dalam hal ini, penting bagi umat Islam untuk mengetahui apakah dasar pemikiran di sebalik penolakan terhadap undang-undang jenayah syariah? Pihak yang cenderung untuk menolak, bahkan menghapuskan undang-undang jenayah syariah berpunca daripada terpengaruh dengan pemikiran sekular-liberal Barat. Menurut Harvey Cox dalam bukunya, *The Secular City*, sekularisme merujuk program falsafah untuk membebaskan manusia daripada kongkongan keagamaan dan metafizik yang mengatur kehidupan, dengan cara mengalihkan urusan ukhrawi kepada duniawi. Asas pemikiran dualisme (perkara yang saling bertentangan) dan dikotomi (perkara yang saling memisahkan) ini dalam konteks negara telah menghasilkan konsep negara sekular berasaskan demokrasi liberal.

Negara sekular terbangun atas doktrin bahawa agama mesti dipisahkan daripada urusan politik dan pentadbiran kenegaraan, atau negara sekular ialah negara atau kerajaan yang bebas dan tidak terikat dengan sebarang pengaruh agama. Oleh itu, negara sekular tidak mempunyai sebarang agama negara. Maka itu, sebuah kerajaan sekular tidak boleh sesekali menggunakan kemudahan atau dana negara untuk sebarang program, polisi mahupun dasar yang memberikan kelebihan kepada mana-mana agama. Perkara ini selari dengan perjuangan awal sekularisme di Barat yang menolak serta memisahkan campur tangan gereja (agama Kristian) dalam kerajaan dan

kehidupan peribadi manusia. Pada masa yang sama, konsep negara sekular dilihat sebagai reaksi terhadap idea kerajaan teokrasi.

Oleh hal yang demikian, bagi melaksanakan idea negara sekular, golongan sekular-liberal akan mempromosikan sistem demokrasi liberal, iaitu sistem politik yang memberikan kebebasan individu secara mutlak yang merupakan kesinambungan daripada idea kebebasan daripada kongkongan Tuhan dan agama. Maka itu, kerajaan atau masyarakat, atau sesiapa sahaja, tidak boleh campur tangan dalam urusan individu, termasuklah dalam soal agama. Rakyat bebas untuk memilih dan mengamalkan agama mereka sendiri. Sebarang persoalan agama merupakan urusan peribadi individu, dan kerajaan tidak berhak untuk campur tangan. Agama yang mencampuri urusan awam dan individu, seumpama undang-undang jenayah syariah merupakan satu bentuk kongkongan dan cengkaman yang perlu dihapuskan segera.

Hal ini bermaksud bahawa institusi agama atau sebarang perkara yang memberikan peranan kepada agama dalam sesebuah kerajaan, tidak boleh wujud sama sekali dalam sebuah negara sekular. Maka itu, setiap institusi agama, termasuklah mahkamah syariah perlu dihapuskan kerana dikatakan telah mencampuri urusan peribadi rakyat dalam soal menentukan agama dan kepercayaan individu. Jabatan



Keratan akhbar yang memaparkan kes yang mencabar keputusan Mahkamah Syariah Kelantan.

Agama Islam Negeri (JAIN) dan mahkamah syariah tidak boleh sama sekali mengambil tindakan dan menetapkan hukuman terhadap perbuatan dosa peribadi dalam ruangan tertutup. Perkara ini bertepatan dengan penjelasan Charles Kuzman dalam bukunya, *Modernist Islam* yang menyatakan bahawa satu daripada ciri liberalisme dan modenisme dalam Islam adalah dengan menolak autoriti agama dan institusinya.

Disebabkan hal itu, golongan sekular-liberal di Malaysia akan menyerang Perlembagaan Persekutuan, sama ada secara langsung atau tidak langsung, dengan menafikan bahawa Islam di Malaysia sebagai agama bagi persekutuan (Perkara 3(1)). Malaysia dinaratifkan sebagai sebuah negara sekular, manakala sebahagian yang lain pula sengaja mentafsirkan kedudukan Islam dalam Perlembagaan sekadar agama rasmi sahaja, dengan fungsi Islam dihadkan pada perkara yang bersifat upacara sahaja. Tujuan golongan sekular-liberal

Dua beranak cabar 20 peruntukan enakmen syariah Kelantan

PUTRAJAYA: Panel sembilan hakim Mahkamah Persekutuan semalam mendengar petisyen seorang peguam dan anaknya yang mencabar Enakmen Kanun Jenayah Syariah (I) Kelantan 2019 dalam usaha mengisytiharkan 20 peruntukan kesalahan dalam enakmen itu, terbatal dan tidak sah.

Ketua Hakim Negara, Tun Tengku Maimun Tuan Mat mengetuai panel bersidang mendengar petisyen difailkan Nik Elin Zurina Nik Abdul Rashid dan Tengku Yasmin Nastaah Tengku Abdul Rahman terhadap Kerajaan Kelantan. Mahkamah juga sebelum suara menolak permohonan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan untuk bertindak sebagai penentang dalam pendengaran petisyen berkenaan atas alasan petisyen berkenaan tidak berasa-

nan itu, Hakim Tengku Maimun menarik perhatian semua pihak dan menegaskan, petisyen berkenaan hanya berkaitan per-tafiran perkara-perkataan dalam Perlembagaan Persekutuan dan tiada kena mengena dengan doktrin Islam. "Oleh yang demikian tidak timbul persoalan sama ada pihak pempetisyen mahupun mahkamah ini ingin meniadakan atau merendahkan kedudukan atau merendahkan kedudukan agama Islam di negara ini," kata Ketua Hakim Negara. Dalam prosiding itu, peguam Datuk Malik Imita Sarwar mewakili pempetisyen berujah, "Enakmen Kanun Jenayah Syariah (I) Kelantan 2019, bertindan dengan undang-undang Persekutuan yang turut meliputi kesalahan sama. Beliau mengujahkan, peruntukan tersebut tidak sah atas alasan Badan Perundangan Negeri Kelantan tiada kuasa untuk mengubah peruntukan undang-undang tersebut. Bagaimanapun, peguam mewakili Kerajaan Kelantan, Datuk Kamaruzaman Mohdhammad Arif berujah, peruntukan undang-undang itu tidak bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan serta sah dikuatkuasakan. Hujah itu undang-undang meng-cabar itu undang-undang meng-cabar itu kesalahan dilakukan terhadap perintah agama Islam yang di-masuki di bawah Butiran 1. Sena Negeri, bukan undang-undang yang bertakluk kepada B Mahkamah Persekutuan. Mahkamah menetapkan sidang disambung pada tarikh lain bagi mendengar petisyen sebagai mahkamah (Amicus) dalam petisyen itu."

mentafsirkan demikian adalah untuk memaksa Malaysia menjadi sebuah negara sekular secara halus dengan mengetepikan peranan agama Islam dalam negara. Maka itu, sebarang perkara yang berkaitan dengan pengukuhan kedudukan agama Islam di Malaysia perlu dihalang.

Berdasarkan penjelasan tersebut, dapat difahami bahawa asas penolakan terhadap institusi Islam adalah berpunca daripada pegangan mereka terhadap sekularisme dan liberalisme. Ideologi ini telah melahirkan konsep negara sekular yang menolak peranan agama dalam sesebuah negara. Oleh itu, golongan sekular-liberal sedaya upaya akan berusaha untuk menghapuskan institusi agama Islam, sama ada pada peringkat persekutuan atau negeri, termasuklah undang-undang jenayah syariah. Bagi mencapai tujuan ini, mereka mencabar keabsahan undang-undang jenayah syariah agar Mahkamah Persekutuan mengisytiharkan

bahawa peruntukan undang-undang jenayah syariah berkenaan (yang dibuat dalam bidang kuasa negeri) tidak sah dan terbatal kerana dikatakan bercangah dengan Perlembagaan Persekutuan.

Bagi menghadapi keadaan tersebut dari aspek perundangan, sebanyak 200 orang peguam termasuk peguam bela, peguam cara dan peguam syarii menandatangani petisyen mendesak kerajaan untuk meminda Perlembagaan Persekutuan yang membabitkan bidang kuasa negeri bagi menggubal undang-undang dengan seberapa segera yang mungkin. Menerusi kenyataan bersama, mereka menyatakan kebimbangan terhadap implikasi keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes Iki Putra Mubarak terhadap bidang kuasa negeri dalam menggubal undang-undang jenayah syariah. Menurut mereka lagi, dalam kes ini, Mahkamah Persekutuan didapati membuat keputusan berbeza daripada keputusan sebelum ini, sekali gus menghadkan lagi bidang kuasa negeri dalam hal penggubalan undang-undang jenayah syariah.

Situasi yang berlaku ini merupakan antara episod yang menyedihkan bagi umat Islam

di Malaysia. Sekalipun negara kita telah menyambut Hari Kebangsaan yang Ke-66 pada tahun 2023, namun kedudukan undang-undang jenayah syariah masih lagi berada pada tahap yang membimbangkan sehingga mudah dicabar untuk dihapuskan. Hal ini belum lagi kita berbicara tentang usaha bagi meningkatkan bidang kuasa mahkamah syariah seperti Akta RUU355 (yang kemudian bertukar menjadi isu politik) dan keperluan-keperluan lain. Akan tetapi, hal yang lebih menyedihkan adalah apabila didapati masih terdapat sebahagian umat Islam yang mindanya terus terjajah dengan pemikiran Barat seperti sekularisme dan liberalisme sehingga mereka sanggup menolak dan mempertikaikan ajaran Islam.

Perlu dicatatkan juga bahawa pelaksanaan undang-undang jenayah syariah secara jelas terkait dengan enam ciri syariah Islam, iaitu *rabbaniyah* (ketuhanan), *insaniyah* (kemanusiaan), *syumuliyah* (komprehensif/menyeluruh), *akhlaqiyah* (peribadi/akhlak mulia), *waq'iyah* (realistik), dan *tanasuq* (keteraturan). Tujuan undang-undang jenayah syariah pula adalah untuk menjaga lima maqasid syariah yang utama, iaitu memelihara agama, nyawa,

akal, keturunan dan harta. Perkara yang lebih penting sebagai seorang Muslim ialah pelaksanaan undang-undang jenayah syariah merupakan satu daripada bentuk ketaatan umat Islam kepada Allah SWT dan Rasulullah SAW. Suatu hal yang menghairankan jika menolak dengan pelbagai alasan yang tidak munasabah.

Kesimpulannya, implikasi pemikiran sekular-liberal berpaksikan Barat bukan sahaja memberikan ancaman dari aspek akidah dan syariat, tetapi juga boleh memberikan ancaman terhadap keselamatan negara, iaitu boleh meruntuhkan struktur dan institusi utama negara. Perkara sebegini telah berlaku dalam sejarah moden Barat pada Zaman Pembaharuan. Oleh itu, seluruh umat Islam perlu bekerjasama bagi mendepani serangan ideologi Barat, terutamanya sekularisme dan liberalisme agar tidak mempengaruhi pemikiran rakyat Malaysia. Ahli politik Muslim pula perlu memainkan peranan di Parlimen supaya undang-undang jenayah syariah dapat diperkukuh, malah ditingkatkan kedudukan agama Islam di Malaysia sebagai agama persekutuan. 

Mutiara Hikmah

Daripada Malik bin Dinar rahimahullah berkata,

“Apabila seorang alim tidak mengamalkan ilmunya, nasihatnya tidak akan meresap ke dalam kalbu (para pendengarnya), sebagaimana titisan air hujan yang jatuh di atas batu yang licin.”

(Imam Ahmad, *Kitab al-Zuhd*, hal. 539)